## PROGRAM PENEBUSAN BEG AKTIF MILO - POS

### TERMA DAN SYARAT

### Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. **Penganjur:**
   Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] ["Penganjur"].
2. **Promosi:**
   PROGRAM PENEBUSAN BEG AKTIF MILO – POS ["Promosi"].
3. **Tempoh Promosi:**
   Promosi bermula jam 12:00 tgh malam pada 16/03/2019 dan ditutup jam 11:59 malam pada 02/06/2019.
4. **Kelayakan:**
   Promosi ini dibuka kepada semua penduduk sah Malaysia yang berusia 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi.
5. **Kaedah Penyertaan:**
   a. Setiap produk MILO turut serta yang dibeli akan melayakkan anda menyertai Promosi. Sila rujuk Bukti Pembelian & Jadual Mata yang ditunjukkan pada Borang Promosi ["Borang"] untuk senarai produk MILO yang turut serta, bukti pembelian yang dikehendaki ["BP"] dan mata ["Mata"] yang layak diperolehi bagi setiap produk MILO turut serta yang dibeli. Produk yang tidak disenaraikan di dalam Borang adalah tidak termasuk sebagai produk yang turut serta di dalam Promosi ini.
   b. Semua Peserta boleh menebus Mata yang terkumpul sepanjang Tempoh Promosi. Sila rujuk kepada empat [4] rekaan berlainan BEG AKTIF MILO ["Beg"] yang boleh didapati pada tarikh yang dinyatakan dan bilangan Mata yang diperlukan untuk menebus sebagaimana ditunjukkan pada Borang. Penebusan Beg mesti dibuat pada tarikh yang dinyatakan pada Borang. Tempahan awal Beg tidak dibenarkan.
   c. Anda hanya boleh menebus maksimum dua [2] Beg dengan setiap Borang. Borang untuk menebus lebih daripada dua [2] Beg akan dibatalkan. Setiap Peserta berhak/layak untuk mengemukakan lebih daripada satu [1] Borang dan terhad kepada maksimum lapan [8] Borang untuk sepanjang Tempoh Promosi. Salinan fotostat Borang kosong dan diisi secara original akan diterima.
   d. Setiap Borang yang dikemukakan mesti lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki dan mesti disertakan dengan BP yang dikehendaki dan bersamaan Mata yang mencukupi. Mata yang dikumpul sepanjang Tempoh Promosi tidak boleh dipindahkan dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai secara sebahagian atau sepenuhnya. Mata berlebihan yang dikemukakan tidak akan dipulangkan. Borang yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca, tidak tepat, dengan BP/Mata tidak betul dan/atau cacat/rosak akan dibatalkan.
   e. Semua Borang mesti dihantar ke alamat yang dinyatakan melalui pos, penghantar surat, khidmat kurier atau Pos Laju, atas risiko Peserta sendiri. Bukti pos Borang bukan bermakna bukti penerimaan oleh Penganjur.
6. **Tarikh Tutup Penyertaan:**
   Semua Borang Penyertaan Promosi mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 11:59 malam pada 02/06/2019. Semua borang penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.
7. **Premium:**
   a. Beg akan dihantar ke alamat penghantaran yang diberikan oleh Peserta dalam masa 6 – 8 minggu selepas tarikh tutup 02/06/2019. Penganjur akan mengambil langkah sewajarnya apabila menghantar Beg tetapi Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya Beg yang dihantar kepada Peserta tidak diterima, lewat diterima atau rosak. Semua Beg yang tidak dituntut akan dibatalkan.
   b. Sekiranya terdapat kecacatan pengilangan, Peserta mesti memulangkan Beg kepada Penganjur dengan kos ditanggung sendiri, dalam keadaan tidak rosak dan dalam pembungkusan asal untuk mendapatkan gantian dalam masa 2 minggu selepas penerimaan Beg.
   c. Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Beg yang ditunjukkan pada Borang dengan Beg lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua Beg diberikan dalam "keadaan sedia ada" dan tidak boleh ditukarkan dengan kredit, barangan lain atau baucar secara sebahagian atau sepenuhnya.
8. **Terma Tambahan:**
   Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Beg dan terma dan syarat yang dikenakan untuk Beg, jika ada.

Jadual Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan yang boleh didapati di https://www.milo.com.my, secara kolektif dinamakan "Terma dan Syarat", yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda")
Dengan menyertai promosi, anda telah membaca dan bersetuju dengan **Terma dan Syarat** dan pemprosesan maklumat peribadi anda dalam **Notis Privasi** di [http://www.milo.com.my].

Talian Perkhidmatan Pengguna: **1800 88 3433**.

## PROGRAM PENEBUSAN BEG AKTIF MILO – PENEBUSAN SEGERA

### TERMA DAN SYARAT

### Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. **Penganjur:**
   Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] ["Penganjur"].
2. **Promosi:**
   PROGRAM PENEBUSAN BEG AKTIF MILO – PENEBUSAN SEGERA ["Promosi"].
3. **Tempoh Promosi:**
   Promosi ini akan diadakan pada hari-hari terpilih dari 16/03/2019 hingga 02/06/2019. ["Tempoh Promosi"].
4. **Kelayakan:**
   Promosi ini dibuka kepada semua penduduk sah Malaysia yang berusia 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi.
5. **Kaedah Penyertaan:**
   a. Penganjur akan menempatkan Pusat Penebusan Segera ["PPS"] di gedung terpilih sahaja untuk Peserta menebus BEG AKTIF MILO ["Beg"] mereka dengan segera. Sila rujuk Jadual PPS yang dipaparkan di laman web Penganjur: www.milo.com.my untuk mengetahui jadual dan lokasi PPS.
   b. Setiap produk MILO turut serta yang dibeli akan melayakkan anda menyertai Promosi. Sila rujuk Bukti Pembelian & Jadual Mata yang ditunjukkan pada Borang Promosi ["Borang"] untuk senarai produk MILO yang turut serta, bukti pembelian yang dikehendaki ["BP"] dan mata ["Mata"] yang layak diperolehi bagi setiap produk MILO turut serta yang dibeli. Produk yang tidak disenaraikan di dalam Borang adalah tidak termasuk sebagai produk yang turut serta di dalam Promosi ini.
   c. Anda juga boleh membeli produk MILO turut serta kecuali MILO Tin 240ml (Original, Hi-Cal, Mocha, Ice atau KAW) dan MILO NUTRI UP 225ml (yang tidak layak) dari gedung yang menempatkan PPS pada hari yang sama. Kemukakan resit pembelian dari kedai PPS bertarikh hari sama dan bersamaan mata yang mencukupi sebagai bukti pembelian ["BP PPS"] disertakan dengan Borang yang diisi lengkap untuk menebus tidak lebih daripada dua [2] Beg.
   d. Jika anda mahu menebus lebih daripada satu [1] Borang, pastikan resit pembelian diasingkan dengan Mata yang mencukupi untuk setiap Borang yang anda kemukakan. Untuk pengesahan pembelian, anda mesti menunjukkan produk MILO yang dibeli kepada petugas PPS di kaunter PPS semasa penebusan segera. Semua produk MILO anda akan ditampal pelekat khas sebagai bukti penerimaan.
   e. Sila rujuk kepada empat [4] rekaan Beg berlainan yang boleh didapati pada tarikh yang dinyatakan dan bilangan Mata yang diperlukan untuk menebus sebagaimana ditunjukkan pada Borang. Penganjur akan menetapkan dan mempamerkan rekaan dan jumlah Beg yang boleh didapati untuk setiap hari di setiap PPS. Penebusan segera di semua PPS adalah sementara stok Beg masih ada sahaja.
   f. Anda hanya boleh menebus dua [2] Beg dengan setiap Borang. Borang untuk menebus lebih daripada dua [2] Beg akan dibatalkan. Setiap Peserta berhak/layak untuk mengemukakan dan menebus satu [1] Borang pada satu [1] masa tertentu dan terhad kepada maksimum empat [4] Borang untuk setiap tempoh penebusan. Iaitu empat [4] Borang untuk Beg A & B (16/03/2019 – 30/04/2019) dan empat [4] Borang untuk Beg C & D (01/05/2019 – 02/06/2019).
   g. Peserta perlu beratur semula untuk mengemukakan Borang seterusnya untuk penebusan segera.
   h. Setiap Borang yang dikemukakan mesti lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki dan mesti disertakan dengan BP dan/atau BP PPS yang dikehendaki dan bersamaan Mata yang mencukupi. Mata yang dikumpul sepanjang Tempoh Promosi tidak boleh dipindahkan dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai secara sebahagian atau sepenuhnya.
   i. Mata berlebihan dan BP PPS yang dikemukakan tidak akan dipulangkan. Borang yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca, tidak tepat, dengan BP/BP PPS/Mata tidak betul dan/atau cacat/rosak akan dibatalkan. Salinan fotostat Borang kosong dan diisi secara original akan diterima.
6. **Premium:**
   a. Semua Peserta mesti memastikan Beg yang ditebus adalah dalam keadaan baik sewaktu penebusan. Semua Beg yang ditebus di PPS tidak akan diganti setelah penebusan disempurnakan.
   b. Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Beg yang ditunjukkan pada Borang dengan Beg lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua Beg diberikan dalam "keadaan sedia ada" dan tidak boleh ditukarkan dengan kredit, barangan lain atau baucar secara sebahagian atau sepenuhnya.
7. **Terma Tambahan:**
   Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Beg dan terma dan syarat yang dikenakan untuk Beg, jika ada.

Jadual Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan yang boleh didapati di https://www.milo.com.my, secara kolektif dinamakan "Terma dan Syarat", yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda")
Dengan menyertai promosi, anda telah membaca dan bersetuju dengan **Terma dan Syarat** dan pemprosesan maklumat peribadi anda dalam **Notis Privasi** di [http://www.milo.com.my].

Talian Perkhidmatan Pengguna: **1800 88 3433**.

# PROGRAM PENEBUSAN

BEG AKTIF MILO

## 16 MAC 2019 - 2 JUN 2019

***KUMPUL & TEBUS BEG AKTIF MILO® EDISI TERHAD***

***HANYA 40 MATA UNTUK 1 BEG***




**TARIKH PENEBUSAN BEG A & B:**
**16 MAC - 30 APRIL 2019**

**TARIKH PENEBUSAN BEG C & D:**
**1 MEI - 2 JUN 2019**

**Gambar beg adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada barangan sebenar.*

**PERINGATAN:**
*Hanya produk-produk MILO® yang bertarikh luput pada 2019 dan ke atas layak diterima.*

Untuk maklumat lanjut:
**1-800-88-3433**
*(Isnin - Jumaat / 8 pagi - 8 malam)*

Tertakluk kepada Syarat & Peraturan Program.
**www.milo.com.my**

Nestlé MILO

***TENAGA UNTUK MELANGKAH JAUH™***

# MULAKAN PENEBUSAN ANDA SEKARANG!

1. Bagi pembelian setiap produk MILO yang turut serta, anda layak menyertai PROGRAM PENEBUSAN BEG AKTIF MILO (sila rujuk jadual-jadual Bukti Pembelian & Mata dan pilihan Beg Aktif MILO).
2. Penebusan segera ini adalah promosi ganjaran kesetiaan dan dibuka kepada penduduk Malaysia berumur **18 tahun dan ke atas pada 16/03/2019** dan mempunyai dokumen pengenalan yang sah. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
3. Terdapat **2 cara** untuk membuat penebusan.

## ▶▶ Tebus 2 Beg Aktif MILO melalui POS
**(16 MAC 2019 – 2 JUN 2019)**

### *A. PENEBUSAN MELALUI POS*

1. Lengkapkan Borang penebusan ini dengan butir-butir lengkap anda, sertakan bukti pembelian & mata yang dikehendaki dan hantarkan melalui sebarang kaedah yang dijamin tiba ke:

**PROGRAM PENEBUSAN BEG AKTIF MILO**
**OMNITEAM SDN. BHD.**
**16, Jalan SS25/35, Taman Mayang, 47301 Petaling Jaya.**

2. Anda hanya boleh menebus maksimum 2 Beg dengan setiap Borang penebusan. Borang penebusan melebihi 2 Beg akan dibatalkan. Penebusan Beg mesti dibuat dalam tempoh yang dinyatakan. Tempahan Beg secara lebih awal tidak dibenarkan.
3. Anda berhak/layak untuk mengemukakan lebih daripada 1 Borang penebusan dan terhad kepada maksima 8 Borang untuk sepanjang tempoh promosi.
4. Borang Penebusan yang diterima selepas 02/06/2019 tidak akan dilayan.
5. **Beg yang ditebus akan hanya dihantar 6 – 8 minggu selepas 02/06/2019. Anda dinasihati untuk membuat penebusan di Pusat-Pusat Penebusan Segera sekiranya anda ingin mendapatkan Beg anda lebih awal.**

## ▶▶ Tebus 2 Beg Aktif MILO melalui PPS
**(16 MAC 2019 – 2 JUN 2019)**

### *B. MELALUI PUSAT PENEBUSAN SEGERA (PPS)*

1. Penganjur akan menubuhkan Pusat Penebusan Segera (PPS) di gedung jualan terpilih hanya untuk Peserta menebus Beg Aktif MILO dengan segera. Sila rujuk Jadual PPS yang dipaparkan di laman web Penganjur: www.milo.com.my untuk tarikh penebusan segera dan lokasi PPS.
2. Penganjur akan menetapkan dan memaparkan jumlah Beg yang boleh didapati untuk penebusan setiap hari di setiap PPS dan penebusan segera adalah sementara stok Beg pada hari yang ditetapkan masih ada SAHAJA.
3. Lengkapkan Borang penebusan ini dengan butir-butir lengkap anda, sertakan bukti pembelian & mata yang dikehendaki seperti berikut:
   a. Anda perlu bawa bersama pembungkusan penuh produk MILO yang turut serta dan bersamaan Mata secukupnya. Mata berlebihan yang dikemukakan tidak akan dikembalikan.
   **ATAU**
   b. Anda juga boleh membeli produk MILO yang turut serta **kecuali** MILO Tin 240ml (Original, Hi-Cal, Mocha, Ice dan KAW) dan MILO Nutri Up 225ml **(yang tidak layak)** dari gedung lokasi PPS pada hari yang sama. Serahkan resit pembelian dari gedung lokasi PPS bertarikh hari yang sama, bersamaan Mata yang mencukupi, sebagai bukti pembelian dengan Borang yang diisi lengkap untuk menebus maksimum 2 Beg. Jika anda ingin menebus lebih daripada 1 Borang, pastikan resit pembelian diasingkan dengan Mata yang mencukupi untuk setiap Borang yang anda serahkan.
   Untuk pengesahan pembelian, anda mesti menunjukkan produk MILO yang dibeli kepada kakitangan PPS di kaunter PPS semasa penebusan segera. Semua produk MILO anda akan ditampal dengan pelekat khas sebagai bukti penerimaan.
4. Anda hanya boleh menebus 2 Beg dengan setiap Borang. Borang untuk penebusan lebih daripada 2 Beg akan dibatalkan. Setiap peserta layak menyerahkan dan menebus 1 Borang pada mana-mana 1 masa tertentu. Peserta perlu beratur sekali lagi jika mahu menyerahkan Borang seterusnya untuk penebusan. Peserta hanya terhad kepada maksima 4 Borang untuk setiap tempoh penebusan. Iaitu 4 Borang untuk Beg A & B (16/03/2019 – 30/04/2019) dan 4 Borang untuk Beg C & D (01/05/2019 – 02/06/2019).
5. Semua Peserta mesti memastikan Beg yang ditebus adalah dalam keadaan baik semasa membuat penebusan segera. Semua Beg yang ditebus di PPS tidak akan diganti setelah penebusan disempurnakan.
6. Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Beg yang ditunjukkan dalam Borang dengan Beg lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua Beg ditebus dalam "keadaan sedia ada" dan tidak boleh ditukar dengan kredit, barangan lain atau baucar secara sebahagian atau sepenuhnya.
7. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengaturkan dan/atau membekalkan Beg dan terma dan syarat yang dikenakan untuk Beg, jika ada.
8. **Penganjur berhak menggunakan budi bicara mutlaknya untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki mengubah proses penyerahan Penebusan atau pengendalian Penebusan dan Penganjur berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana individu yang dipercayai melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang menjejaskan Penebusan.**

**SILA LENGKAPKAN JADUAL-JADUAL BERIKUT:**

**40 MATA UNTUK 1 BEG AKTIF MILO**




| 16 MAC – 30 APRIL 2019 | |
|---|---|
| **BEG A** (HITAM) | KUANTITI: |
| **BEG B** (BIRU-HIJAU) | KUANTITI: |
| **01 MEI – 02 JUN 2019** | |
| **BEG C** (MERAH TUA) | KUANTITI: |
| **BEG D** (HIJAU) | KUANTITI: |

**MAKSIMUM 2 BEG SAHAJA BAGI SETIAP BORANG PENEBUSAN**
**NOTA: Penebusan melebihi kuantiti 2 BEG akan DIBATALKAN serta-merta.**
**Saiz* Beg: 30cm(P) x 17cm(L) x 66.6cm(T). *Lebih kurang +/- 1-2cm.**

### JADUAL BUKTI PEMBELIAN & MATA

| Kod | Produk-produk Yang Mengambil Bahagian (Tarikh Luput: Tahun 2019 dan ke atas) | Bukti Pembelian | Mata | Jumlah Bukti Pembelian Yang Disertakan | Jumlah Mata Yang Disertakan |
|---|---|---|---|---|---|
| A | MILO Tin 240ml (Original, Hi-Cal, Mocha, Ice, KAW) | 3 x Penutup Sentap MILO | 2 | | |
| B | MILO NUTRI UP 225ml | 3 x Kod Bar | 2 | | |
| C | MILO UHT 200ml | 2 x Kod Bar | 1 | | |
| D | MILO 3in1 Original / Kosong / Less Sugar (10s/18s/21s) | 1 x Pek Keseluruhan | 4 | | |
| E | MILO 3in1 Original (30s) | 1 x Pek Keseluruhan | 6 | | |
| F | MILO ACTIV-GO 200g | 1 x Pek Keseluruhan | 1 | | |
| G | MILO ACTIV-GO 400g / 480g | 1 x Pek Keseluruhan | 2 | | |
| H | MILO ACTIV-GO 1kg / 1.1kg | 1 x Pek Keseluruhan | 5 | | |
| I | MILO ACTIV-GO 2kg / 2.2kg | 1 x Pek Keseluruhan | 10 | | |

**Contoh-contoh Bukti Pembelian:**




**Jumlah Keseluruhan Mata**

**NOTA:**
- **Hanya produk-produk yang mengambil bahagian di atas dan bertarikh luput pada tahun 2019 dan ke atas layak diterima.**
- **Pembelian MILO Tin 240ml (Original, Hi-Cal, Mocha, Ice atau Kaw) dan MILO NUTRI UP 225ml di gedung lokasi PPS tidak layak untuk penebusan di Pusat Penebusan Segera.**
- **Penebusan melebihi kuantiti 2 Beg atau penebusan mata yang tidak mencukupi akan DIBATALKAN serta-merta.**

Lengkapkan butir diri anda:

☐ Saya bersetuju untuk menerima maklumat pemasaran dan promosi tentang produk, perkhidmatan dan acara Penganjur pada masa depan.

Dengan menyertai program ini, saya telah membaca dan bersetuju kepada Syarat dan Peraturan Program dan pemprosesan maklumat peribadi saya seperti dinyatakan pada Notis Privasi yang boleh didapati di www.nestle.com.my

Nama Penuh: ____________________

Alamat Penghantaran: ____________________

____________________

Poskod: ☐☐☐☐☐ Bandar: ____________ Telefon Rumah: ☐☐☐ – ☐☐☐☐☐☐☐☐

No Pengenalan: ☐☐☐☐☐☐ – ☐☐ – ☐☐☐☐ Telefon Bimbit: ☐☐☐ – ☐☐☐☐☐☐☐☐

E-mel: ____________________